



KENYATAAN MEDIA

GANGGUAN TERHADAP WANITA DALAM SEKATAN JALAN RAYA

Saya selaku Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat memandang serius kejadian gangguan seksual yang disiarkan media sejak kebelakangan ini. Perbuatan terkutuk ini sama sekali tidak boleh dipandang enteng, apatah lagi jika ia melibatkan anggota penguatkuasa.

Berikutan kejadian melibatkan wanita yang mendakwa dirinya diganggu secara seksual oleh anggota polis yang bertugas dalam sekatan jalan raya baru-baru ini, saya menggesa PDRM untuk membuat siasatan segera agar mangsa diberikan pembelaan dan pelaku diambil tindakan undang-undang, jika dibuktikan bersalah. Dalam mengendalikan isu ini, saya amat berharap agar semua pihak saling menghormati dan tidak mempersoalkan kredibiliti keseluruhan institusi Polis Diraja Malaysia yang telah banyak berkorban dalam memastikan keselamatan negara. Usahlah kita menghukum ibarat “kerana nila setitik, rosak susu sebelanga”.

Saya juga ingin menegaskan pendirian dan komitmen KPWKM untuk meneruskan penggubalan sebuah perundangan khusus berkaitan gangguan seksual yang kini drafnya sedang dalam semakan Kerajaan untuk dibentangkan di Parlimen nanti. Perundangan khusus ini amat penting dan bersifat saling melengkapi kepada undang-undang sedia ada agar isu gangguan seksual dapat ditangani dengan lebih berkesan dan mampu melindungi mangsa, tanpa mengira wanita mahupun lelaki.

Saya juga menyeru kepada semua rakyat Malaysia, khususnya golongan wanita agar tampil membuat laporan sekiranya berhadapan dengan sebarang bentuk gangguan seksual, sama ada secara lisan, perbuatan atau melalui pelbagai isyarat oleh pelaku. KPWKM sedia membantu dan salurkan aduan melalui Talian Kasih 15999 dan Talian Whatsapp 019-26 15999 yang beroperasi 24 jam.

Sama-samalah kita untuk terus mengamalkan sikap saling hormat menghormati antara satu sama lain dan berganding bahu membanteras perbuatan gangguan seksual serta menghapuskan segala bentuk keganasan dan diskriminasi berasaskan gender ini.

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
15 Februari 2021